

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN R. SIVARASA[SUBANG]

TARIKH : 22 MAC 2016

RUJUKAN : 8631

SOALAN:

Tuan R. Sivarasa [Subang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan alasan Lembaga Penapis Filem melarang 31 adegan/babak dalam filem "Banglasia" oleh Namewee (Wee Meng Chee), sedangkan filem penuh sepanjang 90 minit ini ditayangkan di Singapura.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, semua filem dan bahan publisiti yang hendak ditayang, dijual, diedar dan disiarkan kepada umum di Negara ini perlu ditapis oleh Kementerian Dalam Negeri melalui Lembaga Penapis Filem selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Penapisan Filem 2002. Dalam hal ini, LPF menitikberatkan dan menekankan empat aspek utama dalam penapisan filem iaitu:

- i. Keselamatan dan Ketenteraman Awam;**
- ii. Keagamaan;**
- iii. Sosiobudaya; dan**
- iv. Ketertiban dan Ketatasusilaan**

Filem “Bangla Sia” oleh Namewee (Wee Meng Chee) telah diputuskan “Tidak Lulus Untuk Tayangan” (TUT) oleh Lembaga Penapis Filem (LPF) berdasarkan Garis Panduan Penapisan Filem berkenaan.

Filem ini mempunyai tajuk dan mengandungi tema, jalan cerita, adegan dan dialog dwi maksud serta mempunyai mesej tersirat yang dikhuatiri akan menimbulkan kontroversi dan keraguan masyarakat. Alasan-alasan filem ini telah diberikan TUT adalah termasuk:

- i. **Mempersenda isu-isu keselamatan Negara, terutamanya isu pencerobohan Lahad Datu;**
- ii. **Memperlekeh keupayaan dan peranan pasukan keselamatandalam memelihara keamanan serta keselamatan Negara;**
- iii. **Mengandungi tohmahan dan persepsi negatif terhadap agensi Kerajaan berhubung isu kewarganegaraan; dan**
- iv. **Menonjolkan gaya hidup dan sosiobudaya negatif seperti *Lesbian Gay Bisexual Transgender (LGBT)*.**

Sebelum membuat keputusan, LPF telah mengadakan perbincangan dengan penerbit filem dan menjelaskan adegan dan dialog bersifat negatif yang perlu dipinda dalam filem berkenaan. Walau bagaimanapun, penerbit filem tidak melaksanakan pindaan sebagaimana disyorkan oleh LPF mengakibatkan filem tersebut diputuskan sebagai Tidak Lulus Untuk Tayangan (TUT).